

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

1.0 PENDAHULUAN

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bertekad mempertingkatkan taraf keselamatan dan kesihatan pekerjaan berdasarkan peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 serta lain-lain peraturan yang berkaitan dengannya, bagi setiap warga UNIMAS dan pihak lain yang berurusan dengannya. Perkara-perkara mengenai keselamatan, kesihatan dan kebaikan pekerja merupakan salah satu tanggungjawab utama pengurusan UNIMAS bagi memastikan setiap warga dan pihak lain yang berurusan dengan UNIMAS dapat menjalankan tugasannya masing-masing di dalam persekitaran kerja yang selamat dan kondusif serta langkah-langkah yang berpatutan untuk mencegah orang yang bekerja daripada risiko keselamatan dan kesihatan seperti tercedera atau mendapat kesan kesihatan akibat aktiviti kerja yang dijalankan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Keprihatinan dan peranan mengenai isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia telah bermula sejak 120 tahun yang lalu, iaitu pada akhir abad ke-19. Sejarah peranan dan perkembangannya adalah bertitik tolak dengan era keselamatan dandang (dandang stim yang ketika itu kebanyakannya digunakan di lombong-lombong bijih timah) dan kemudiannya ke atas keselamatan jentera, keselamatan industri, keselamatan dan kesihatan industri dan akhir sekali meliputi aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang meliputi semua bidang pekerjaan dan diperluaskan lagi dalam Era OSHMP05 (*Occupational Safety and Health – Master Plan 2015*) dan OSHMP 2020.
- 2.2 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah digubal pada 25 Februari 1994 bertujuan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebaikan semua orang di tempat kerja. Akta ini telah digubal berdasarkan konsep peraturan kendiri dengan tanggungjawab utama bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terhadap orang yang mewujudkan risiko dan bekerja dengan risiko.
- 2.3 Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Safety and Health – Master Plan*) 2015 telah dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia pada 2 Mei 2009 dengan matlamat utama untuk membangunkan modal insan yang selamat, sihat dan produktif dengan menerap, memupuk dan mengekalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja. Pelan Induk ini dibangunkan selaras dengan halatuju Kerajaan di mana setiap strategi yang dibangunkan adalah menyokong asas-asas ke arah sebuah Negara “*High Income, Advance Technology*” menjelang 2020 kelak.
- 2.5 Berikutnya, diwujudkan pula Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020 (OSH-MP 2020); merupakan strategi dan program yang dirangka bagi melonjakkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) negara ke peringkat yang lebih cemerlang untuk melindungi sumber manusia

negara. Ianya adalah kesinambungan daripada dua pelan strategik lima (5) tahun keselamatan dan kesihatan pekerjaan terdahulu, yang telah bermula pada tahun 2006 dengan matlamat untuk membentuk Budaya Kerja Selamat dan Sihat di kalangan majikan dan pekerja. Budaya Kerja Selamat dan Sihat merupakan tonggak dalam menjadikan tempat kerja di Malaysia selamat dan sihat melalui program strategik pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan.

- 2.6 Strategi utama OSHMP 2020 adalah untuk menerapkan Budaya Pencegahan di tempat kerja. Pendekatan ini akan meneruskan pelaksanaan dan penerapan prinsip kebertanggungjawaban dan peraturan kendiri. Budaya Pencegahan ini menekankan nilai kesedaran, tanggungjawab dan komitmen majikan dan pekerja, menghormati hak pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan, menggalakkan penglibatan pekerja dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta mengamalkan pengurusan kesihatan pekerjaan yang cekap berteraskan pengurusan risiko yang berkesan. Keberhasilan yang diidamkan adalah untuk mentransformasikan tempat kerja di negara ini menjadi persekitaran yang selamat dan sihat dalam melindungi modal insan negara, iaitu para pekerja.

3.0 PERNYATAAN DASAR

UNIMAS memandang serius dan amat menitik beratkan hal-ehwal keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan beriltizam untuk menyediakan tempat kerja yang selamat, sihat dan sejahtera bagi semua warganya, dan bagi orang-orang yang berurusan dengannya, melalui rangkakerja pengurusan yang sistematik bermatlamatkan budaya pencegahan. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan dilihat sama penting dengan objektif-objektif UNIMAS yang lain.

UNIMAS akan menjalankan kewajipannya seperti mana termaktub di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, serta lain-lain undang-undang, peraturan atau arahan berkaitan yang berkuatkuasa, dan akan memperuntukkan sumber-sumber yang diperlukan bagi tujuan ini. Warga UNIMAS dan, para pembekal barang dan perkhidmatan juga turut mengambil peranan dan tanggungjawab, dalam semangat kebersamaan, sejajar dengan nilai-nilai teras UNIMAS untuk memastikan pelaksanaan dasar ini.

4.0 TAKRIFAN

- 4.1 Di dalam Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain –

**“Arahan
keselamatan dan
kesihatan
pekerjaan”**

merujuk kepada staf, apa yang patut dan tidak patut dilakukan untuk mengawal keselamatan dan kesihatan ketika kerja atau selainnya di tempat kerja.

“Badan Berkanun”	merujuk kepada suatu badan, walau dengan nama apa pun disebut, yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan bagi maksud Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan;
“Dasar”	merujuk kepada asas, teras, panduan, aturan atau satu bentuk pelan tindakan bagi mencapai objektif untuk kepentingan negara, agensi, unit, pihak tertentu atau masyarakat.
“F/I/B/P”	merujuk kepada Pusat Tanggungjawab seperti Fakulti, Institut, Bahagian atau Pusat;
“Kampus”	merujuk kepada kampus UNIMAS yang meliputi semua institusi, bangunan dan asrama universiti;
“Kerja”	Merujuk kepada kerja sebagai seorang pekerja atau sebagai orang yang bekerja sendiri dan seseorang pekerja disifatkan sedang bekerja sepanjang masa dia berada di tempat kerjanya tetapi tidak selainnya;
“Ketua PTJ”	merujuk kepada Ketua Pusat Tanggungjawab di UNIMAS;
“Kejadian Berbahaya”	suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam Jadual 2, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan, Pekerjaan Dan Penyakit Pekerjaan) 2004
“Latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan”	Merujuk kepada program kepada staf untuk mempelajari bagaimana untuk melakukan apa yang patut dilakukan bagi tujuan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, yang mana termasuk, jika sesuai menyediakan maklumat dan arahan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
“Maklumat mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan”	merujuk kepada bahan berbentuk fakta tentang pekerjaan dan bahaya keselamatan, dan langkah berjaga-jaga, pencegahan, tindak balas, pemberian dan langkah lain bagi mengawal keselamatan dan kesihatan pekerjaan
“Orang Luar”	merujuk kepada individu yang tidak berdaftar sebagai staf atau pelajar UNIMAS, tetapi berada di kampus atas urusan rasmi atau tidak rasmi yang berkaitan dengan UNIMAS;
“Orang Yang Bekerja Sendiri”	merujuk kepada seseorang individu yang bekerja untuk keuntungan atau ganjaran selain daripada di bawah kontrak pekerjaan, sama ada atau tidak dia sendiri mengambil kerja orang lain;
“Pengadu”	merujuk kepada mana-mana staf UNIMAS yang mendapati dirinya tidak diberikan perlindungan dan dijaga akan keselamatan, kesihatan dan kebijakannya serta telah membuat laporan rasmi aduannya;

“Pekerja”	merujuk kepada seseorang yang diambil kerja dengan diberi gaji di bawah kontrak perkhidmatan mengenai atau yang berkaitan dengan kerja suatu industri;
“Penyeliaan”	merujuk kepada tindakan mengurus, melihat dan mengarah staf bagi memastikan mereka mengikuti arahan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
“Tempat Kerja”	premis tempat orang-orang bekerja atau premis yang digunakan bagi penyimpanan loji atau bahan, termasuklah jalan yang digunakan untuk perjalanan pekerja juga yang kebiasaannya menjadi tempat kerja kepada pekerja, contohnya Pembantu Am Rendah (PAR)-pejabat pos, F/I/P/B atau di mana-mana lokasi tempat penghantaran surat pos berdaftar;
“Urusan Rasmi”	merujuk kepada urusan yang berhubung dan berkaitan secara langsung dengan tugas UNIMAS); dan
“Warga UNIMAS”	merujuk kepada staf yang berkhidmat di UNIMAS, yang meliputi akademik dan bukan akademik, juga termasuk pelajar yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa dan separuh masa di UNIMAS.

5.0 TUJUAN

Terdapat empat (4) tujuan utama yang ditetapkan di dalam Dasar ini, iaitu untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja.

- (i) **Tujuan pertama** adalah untuk melindungi orang-orang sedang bekerja terhadap risiko kepada keselamatan dan kesihatan. Terma keselamatan, kesihatan dan kebajikan boleh ditakrifkan seperti berikut:
 - Keselamatan ke atas ketidakwujudan risiko kepada kecederaan.
 - Kesihatan ialah keadaan fizikal, mental dan sosial yang baik dan ia bukan hanya dengan ketiadaan penyakit.
 - Kebajikan pekerja adalah termasuk peruntukan peti kecemasan, air minuman, kantin, kemudahan membasuh dan tandas untuk lelaki dan perempuan.
- (ii) **Tujuan kedua** adalah untuk melindungi orang selain daripada orang yang sedang bekerja yang menghadapi risiko keselamatan dan kesihatan. Orang lain selain pekerja termasuklah pelanggan, pelawat dan orang awam. Ianya turut untuk menggalakkan suatu persekitaran pekerjaan bagi orang-orang yang sedang bekerja yang disesuaikan dengan keperluan fisiologi dan psikologi mereka;
- (iii) **Tujuan ketiga** adalah untuk menggalakkan suasana kerja yang sesuai yang dapat memenuhi setiap keperluan orang-orang yang sedang bekerja. Ia juga bertujuan untuk menyesuaikan proses dan tempat kerja dengan keperluan

fisiologi dan psikologi mereka. Persekitaran tempat kerja mestilah sesuai dengan fisiologi manusia. Ia juga mestilah memenuhi keperluan psikologi pekerja contohnya pekerja tidak sepatutnya diberikan kerja yang berlebihan atau terlalu kurang; tahap *stressor* yang sesuai yang dapat memaksimakan produktiviti tetapi tidak menyebabkan pekerja menghadapi *stress*; dan

- (iv) **Tujuan keempat** adalah untuk memperuntukkan cara yang menurut perundangan keselamatan dan kesihatan yang berkaitan boleh digantikan dengan peraturan dan tataamalan industri dengan cara bergabung dengan peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, untuk memansuhkan pendekatan tradisi yang ketat dan kurang fleksibel dengan suatu undang-undang yang fleksibel dan mampu menghadapi perubahan teknologi yang pesat.

6.0 PUSAT TANGGUNGJAWAB

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UNIMAS (UKKP) adalah sebuah unit yang ditubuhkan untuk memberi nasihat, memantau dan memastikan kepatuhan kepada piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi mencapai dasar UNIMAS untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan warga UNIMAS yang sedang bekerja, dan melindungi orang lain daripada bahaya-bahaya keselamatan dan kesihatan yang berpunca daripada aktiviti pekerjaan. UKKP turut diamanahkan dan diberi tanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan perundangan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di UNIMAS.

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB UNIMAS

- 7.1 Adalah menjadi dasar UNIMAS untuk mengambil langkah-langkah kawalan, jagaan dan pencegahan untuk mencegah dan mengatasi sebarang risiko bahaya atau potensi ketidakakuruan pada peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan yang berkuatkuasa serta sebarang kesan yang kemungkinan menyebabkan kecederaan, kejadian berbahaya dan penyakit pekerjaan dari insiden yang berlaku di tempat kerja.
- 7.2 Untuk memastikan segala undang-undang dan peraturan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipatuhi, UNIMAS beriltizam untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi mengelak berlakunya sebarang kemalangan, kejadian berbahaya dan penyakit pekerjaan kepada setiap staf dan pihak yang berurusan dengan UNIMAS. Bagi mencapai maksud tersebut, UNIMAS akan, antara lainnya:
- i) Menyediakan peralatan dan sistem kerja yang selamat dan kondusif;
 - ii) Menyediakan maklumat tepat dan terkini, latihan, penyeliaan dan arahan-arahan yang teratur dan mesra pekerja;

- iii) Menyediakan keadaan serta persekitaran tempat kerja yang selamat dan kondusif bagi;
- iv) Memperuntukkan, membekal atau mengadakan satu Sistem Kerja Selamat atau cara membuat peruntukan bagi keselamatan pekerja dan sekiranya dilakukan dengan penjagaan yang sesuai akan melindungi para pekerja daripada risiko kecederaan yang dijangka;
- v) Pemantauan berterusan ke atas Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan semakan berkala ke atas keberkesanan sistem kerja yang diperaktikkan dilaksanakan dengan sewajarnya dalam operasinya. Dasar ini boleh dikaji dan dipinda, jika perlu, dari semasa ke semasa;
- vi) Menubuhkan dan mewujudkan Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil di bawahnya di setiap Pusat Tanggungjawab untuk membantu dalam pelaksanaan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- vii) Merumus Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan sekaligus menyediakan secara bertulis Pernyataan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UNIMAS yang ditandatangani oleh Naib Canselor dan diletakkan berserta dengan tarikh;
- viii) Kewajipan terhadap orang selain daripada staf UNIMAS yang merangkumi kontraktor, pekerja kepada kontraktor, pekerja sementara atau pelawat (orang awam yang terdiri daripada anggota keluarga, jurujual, agensi dan jabatan lain) yang datang membuat melawat ke kampus, pegawai Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, di mana orang-orang ini diberikan kebenaran untuk memasuki kampus oleh Naib Canselor atau universiti;
- ix) Mengedarkan kepada setiap staf atau mempamerkan Pernyataan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat-tempat strategik di tempat kerja, contohnya di pintu masuk, papan kenyataan umum, bilik mesyuarat dan sebagainya supaya ia dapat dilihat dan dibaca oleh semua staf untuk memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada warga kampus;
- x) Penyediaan pagar, halangan atau mewujudkan papan tanda notis amaran seperti “di larang menceroboh”, “zon larangan” atau “bahaya” di setiap tempat kerja;
- xi) Kewajipan menjaga keselamatan dan kesihatan terhadap orang selain daripada staf yang merangkumi kontraktor, pelawat atau orang awam terutamanya dalam kampus dan persekitaran UNIMAS yang diberikan kebenaran memasuki kampus dengan menyediakan pelan kecemasan dan menyediakan maklumat kepada kontraktor, pelawat atau orang awam;

- xii) Tidak akan mengganggu atau menyalahgunakan apa-apa yang disediakan untuk kebaikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan staf dan orang lain di tempat kerja;
- xiii) Tidak akan mengenakan bayaran terhadap staf bagi menyediakan peralatan perlindungan persendirian atau keperluan lain di dalam undang-undang. Sebagai contoh, staf tidak perlu membayar peralatan perlindungan diri (contohnya kasut keselamatan, kaca mata keselamatan, topeng muka keselamatan, sarung tangan atau topi keselamatan) dan kemudahan kebajikan staf (peti kecemasan);
- xiv) Memberitahu berkenaan apa-apa kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan dan penyakit pekerjaan yang berlaku di dalam kampus kepada pejabat keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang terdekat;
- xv) Menubuhkan dan mengarahkan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UNIMAS membuat siasatan dan mewujudkan sistem yang bertujuan memudahkan urusan pelaporan kes kemalangan atau kejadian berbahaya, aduan dan juga hebahan aktiviti termasuk perkongsian dokumen;
- xvi) Memberi panduan terperinci pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan menangani isu-isu kecemasan termasuk bencana, sama ada dalam penerbitan dokumen, seminar, program dan lain-lain.

8.0 PENUBUHAN DAN KEAHLIAN JAWATANKUASA SERTA TERMA RUJUKANNYA

- 8.1 Dalam usaha melaksanakan dan memantapkan tadbir urus UNIMAS, khususnya untuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan, maka ditubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu bagi tujuan tersebut.
- 8.2 Di antaranya adalah: -
 - (i) Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - (ii) Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pusat TanggungjawabJawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) dan bertanggungjawab untuk membantu dalam pelaksanaan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan universiti.
- 8.3 Keahlian bagi jawatankuasa-jawatankuasa yang dimaksudkan boleh dirujuk pada “**LAMPIRAN I**” dan terma rujukannya boleh dirujuk pada “**LAMPIRAN II dan III**”.

9.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB STAF

- 9.1 Staf adalah dikehendaki untuk mengambil perhatian yang munasabah terhadap keselamatan dan kesihatan dirinya dan orang lain yang mungkin boleh terbabit. Keperluan untuk meletakkan perhatian yang munasabah adalah berbeza mengikut status jawatan staf.
- 9.2 Staf yang tidak mempunyai kemahiran boleh bertanggungan terhadap aktiviti yang berbahaya dan sengaja dilakukan di tempat kerja dan pihak pengurusan UNIMAS akan bertanggungan terhadap pengadilan yang profesional. Kewajipan terhadap perhatian yang munasabah akan diadili dari tahap latihannya dan berasaskan kepada tahap perhatian yang munasabah yang dijangkakan daripada orang tersebut.
- 9.2 Antara peranan dan tanggungjawab staf dalam langkah-langkah memastikan keselamatan dan kesihatan dirinya serta orang lain terjamin adalah: -
 - (i) Staf mesti memakai atau menggunakan peralatan perlindungan persendirian atau pakaian yang dibekalkan oleh pihak pengurusan UNIMAS pada setiap masa. Sekiranya perlindungan diri didapati tidak sesuai digunakan oleh staf, maka staf itu hendaklah memaklumkan dengan seberapa segera atas alasan munasabah kepada pihak pengurusan tentang masalah itu;
 - (ii) Mengikuti dan mematuhi semua arahan-arahan yang dinyatakan di dalam Dasar dan tatacara atau prosedur keselamatan operasi yang disediakan oleh pihak pengurusan UNIMAS; dan
 - (iii) Tidak boleh mengganggu atau menyalahgunakan apa-apa yang disediakan untuk kebaikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan yang disediakan oleh pengurusan UNIMAS di tempat kerja.

10.0 HAK DAN PERLINDUNGAN

Seorang staf tidak boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat sekiranya staf itu membuat aduan tentang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja atau ketika menjalankan fungsinya sebagai ahli jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

11.0 PERNYATAAN LARANGAN DAN TEGAHAN

- 11.1 Mana-mana pelanggaran di dalam Dasar ini boleh mengakibatkan UNIMAS atau mana-mana orang yang bekerja dengannya, dikenakan tindakan melanggar peruntukan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan

mana-mana peraturan yang berkaitan dengannya. Perbuatan perlanggaran itu adalah disifatkan sebagai satu kemungkiran undang-undang jenayah.

- 11.2 Jika didapati sabit kesalahan, maka UNIMAS bertanggungan untuk dikenakan denda dalam bentuk wang ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang diperuntukkan di dalam Akta itu atau kedua-duanya sekali; mengikut kategori kesalahan, dan bagi kesalahan berterusan, boleh didenda tidak melebihi RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) bagi tiap-tiap hari kesalahan atau sebahagian daripada sehari semasa kesalahan itu berterusan selepas pensabitan.
- 11.3 Tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) akan turut dikenakan kepada mana-mana staf badan berkanun yang didapati bersalah dan disabitkan atas pelanggaran tersebut, yang mendarangkan kemudaratan serta mengancam keselamatan, kesihatan dan turut mencemar imej UNIMAS sebagai sebuah badan berkanun secara amnya.

12.0 SEMAKAN DAN PINDAAN

Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UNIMAS ini adalah tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa mengikut perubahan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau Pekeliling, Surat Pekeliling, Peraturan atau Undang - Undang Malaysia yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

13.0 SUMBER RUJUKAN PERUNDANGAN

Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan, perintah, garis panduan-garis panduan dan kod amalan sepertimana yang disenaraikan pada “**Lampiran IV**”.

14.0 KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

- 14.1 Untuk mencapai objektif Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini, setiap warga UNIMAS, sama ada pihak pengurusan atau staf memainkan peranan yang amat penting dalam usaha ke arah melestari dan mempertingkatkan taraf keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang optimum, selaras dengan visi dan misi UNIMAS.
- 14.2 Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UNIMAS ini akan terpakai dan berkuat kuasa pada tarikh ianya diperakukan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Eksekutif UNIMAS.

LAMPIRAN I

A. Keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- 1) Jawatankuasa Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - i. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) - Pengerusi
 - ii. Ketua, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan – Setiausaha
 - iii. Dekan-Dekan Fakulti atau wakil
 - iv. Pengarah/Dekan/Ketua Institut, Pusat dan Bahagian atau wakil
 - v. Presiden Persatuan Pegawai Akademik UNIMAS (PPAU) atau wakil
 - vi. Presiden Persatuan Kumpulan Sokongan UNIMAS (KESAUMAS) atau wakil
 - vii. Presiden Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) atau wakil
- 2) Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kecil di Pusat Tanggungjawab
 - i. Dekan/Pengarah/Ketua Bahagian (atau pemangku) – Pengerusi
 - ii. Ketua, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan – Setiausaha
 - iii. Pegawai pentadbiran (Pengurusan & Profesional atau Akademik)
 - iv. Wakil Pekerja (kategori pelaksana, sokongan dan ahli akademik)

LAMPIRAN II

**TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA INDUK KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN**

[Rujuk pautan ini](#)

LAMPIRAN III

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN PUSAT TANGGUNGJAWAB

[Rujuk pautan ini](#)

LAMPIRAN IV

SUMBER RUJUKAN PERUNDANGAN

- i. Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004
- ii. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013
- iii. Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan) 1997
- iv. Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996
- v. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996
- vi. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pernyataan Dasar Am Keselamatan dan Kesihatan Majikan (Pengecualian) 1995
- vii. Garis Panduan Bagi Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- viii. Perintah Kesihatan Pekerjaan (Larangan Penggunaan Bahan) 1999
- ix. Kod Amalan Pencegahan dan Pembasmian Penyalahgunaan Dadah, Alkohol dan Bahan di Tempat Kerja, 2005
- x. Kod Amalan Tentang Pencegahan dan Pengurusan HIV/AIDS di Tempat Kerja, 2001
- xi. Guidelines for Public Safety and Health at Construction Sites, 2007
- xii. Guidelines for the Prevention of Falls at Workplaces, 2007
- xiii. Guidelines for Manual Handling at Workplace 2018
- xiv. Guidelines On Ergonomics Risk Assessment at Workplace 2017
- xv. Garis Panduan bagi Pekerjaan Melibatkan Getaran, 2003
- xvi. Garis Panduan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Melibatkan Duduk Sewaktu Bekerja, 2003
- xvii. Garis Panduan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Pekerjaan yang Melibatkan Unit Paparan Video (VDU), 2003

- xviii. Garis Panduan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Melibatkan Berdiri Sewaktu Bekerja, 2002
- xix. Garis Panduan bagi Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC), 2008
- xx. Garis Panduan Pengawalan Nyamuk Aedes Di Tapak-Tapak Pembinaan, 2015
- xi. Garis Panduan Bagi Perlindungan Pekerja Terhadap Kesan Daripada Jerebu Di Tempat Kerja, 2013
- xxii. Guidelines on Occupational Health Services, 2005
- xxiii. Guidelines on Preventing and Responding to Drugs and Alcohol Problems in the Workplace, 2004
- xxiv. Guidelines on First Aid in the Workplace (2nd Edition), 2004
- xxv. Guidelines on Reproductive Health Policy & Programmes at the Workplace, 2002
- xxvi. Guidelines on Medical Surveillance, 2001
- xxvii. Garis Panduan Bagi Pencegahan Tekanan Dan Keganasan Di Tempat Kerja, 2001
- xxviii. Garis Panduan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS)
- xxix. Garis Panduan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Merbahaya, Keracunan Pekerjaan danPenyakit Pekerjaan) Peraturan 2004 (NADOPOD), 2005
- xxx. Garis Panduan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Sektor Perkhidmatan, 2004
- xxxi. Garis Panduan berkaitan Isu Jantina dalam Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan, 2003